

AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Akademi Seni Kebangsaan
dan
Jabatan Kebudayaan & Kesenian
Wilayah Persekutuan
dengan kerjasama
Persatuan Bintang Timur
Teater tradisional
BANGSAWAN

TAMING SARI

arahan
Rahman B.

27-30 Oktober 2001

Auditorium Tunku Abdul Rahman
Pusat Pelancongan Malaysia
Jalan Ampang, Kuala Lumpur

aluan



Apabila perkembangan filem tumbuh dengan pesatnya di tanah air kita, sekitar tahun-tahun 1950an dan 1960an, maka Bangsawan mula mengalami zaman kegelapan. Antara faktor yang menyebabkan Bangsawan berkubur ialah penghijrahan pelakon-pelakon handalan Bangsawan ke filem. Kegemilangan Bangsawan kian pudar selepas itu.

Atas kesedaran itulah Akademi Seni Kebangsaan (ASK) mewajibkan pembelajaran Bangsawan kepada semua para pelajarnya. Usaha ini telah dilakukan sejak penubuhan institusi ini pada tahun 1994 dan merupakan satu usaha untuk mewujudkan golongan penggiat seni generasi baru yang menghayati dan seterusnya dapat memperkembangkan semula Bangsawan.

Dengan pimpinan En. Rahman B, tokoh Bangsawan tanah air dan juga pensyarah Bangsawan di ASK, para pelajar institusi ini telah berjaya mementaskan kembali cerita-cerita Bangsawan seperti berikut: *Raja Laksamana Bentan (1996)*, *Haris Fadillah (1997)*, *Bendahara Garang Perak (1998)*, *Alang Buana (1999)*, *Syamsir Alam (2000)* dan yang terkini *Taming Sari (2001)*. Pementasan **Taming Sari** dilaksanakan oleh ASK dengan kerjasama Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan dan Persatuan Seni Bintang Timur. Kerjasama dengan Persatuan Seni Bintang Timur merupakan usaha awalan untuk menggerakkan semula persatuan ini yang satu ketika dahulu bergerak aktif di Kuala Lumpur.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam pementasan **Taming Sari**. Semoga pementasan ini dan pementasan-pementasan yang seterusnya akan dapat mengulang semula kegemilangan Bangsawan agar terus dapat dihayati bersama oleh rakyat Malaysia.

Terima kasih.

Norliza Rofli
Pengarah
Akademi Seni Kebangsaan

aluan



Walaupun negara kita telah merentasi alaf 2000, yang mana angka ini merupakan satu mercu tanda kepada pencapaian tamadun kita, tetapi saya berasa bangga kerana di tengah-tengah kepesatan teknologi ini, kesenian tradisi kita tidak pupus ditelan zaman.

Syukur alhamdulillah, tahun ini Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan, dengan kerjasama mantap Akademi Seni Kebangsaan serta Persatuan Seni Bangsawan Bintang Timur, berhasil mengangkat teater tradisional Bangsawan ke pentas MTC yang kini berwajah baru.

Saya juga ingin merakamkan rasa gembira dan terbaru kerana pementasan kali ini menyaksikan kombinasi pelakon veteran dan pelakon muda, yang telah bersama-sama menjalani latihan intensif demi menampilkan persembahan yang cemerlang.

Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah bekerja keras untuk merealisasikan pementasan teater tradisional ini. Semoga kerjasama seumpama ini kekal berterusan demi memastikan kebudayaan dan kesenian kita tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas.

Selamat menyaksikan Bangsawan Taming Sari.

HAJI SULAJMAN B. YUSOF
Pengarah
Pejabat Kebudayaan dan Kesenian
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

bangsawan

Bangsawan ialah teater yang dipersembahkan menggunakan teknik opera dan lakonan. Sekiranya persembahan itu menekankan kepada melagukan dialog, maka dinamakan *teknik opera*. Apabila lagu digunakan dalam sesuatu adegan sahaja, seperti adegan sedih, maka dinamakan *teknik lakonan*. Kedua-dua teknik ini pernah digunakan dalam persembahan bangsawan, terutama bergantung kepada kehendak penontoh dan kemampuan pengarah dan pelakonnya. Tujuan utama dalam persembahan bangsawan ialah untuk menghibur. Oleh itu kehendak penonton menjadi pilihan utama pengarah dan pelakon pada masa itu.

Bangsawan mula berkembang di Malaysia sekitar tahun 1880-an. Ia mula bertapak di Pulau Pinang. Bangsawan yang berkembang di Malaysia mendapat pengaruh dari Wayang Parsi yang didatangkan dari India. Walaupun pada asalnya bangsawan berasal dari Parsi, akan tetapi bangsawan yang berkembang di Malaysia menerima pengaruh dari India. Sebab itulah bangsawan amat popular di Pulau Pinang. Pada masa itu Inggeris dengan banyaknya mengimport buruh-buruh dari India, dan mereka ini membawa bersama Wayang Parsi. Akhirnya Wayang Parsi diambilalih oleh Jawi-Pekan iaitu lelaki India berkahwin dengan perempuan tempatan, dan melahirkan anak kacukan. Kumpulan pertama Pusi Indera Bangsawan ditubuhkan pada 1884 di bawah pimpinan Mohamed Pusi.

Dari sinilah bangsawan berkembang ke seluruh negara hingga ke Indonesia, terutama di Sumatera. Oleh kerana bangsawan dapat memikat penonton sebagai alat menghibur yang utama, maka banyaklah lahir kumpulan bangsawan yang terkenal pada masa itu. Antara kumpulan bangsawan yang terkenal ialah Nahar Bangsawan, Malayan Opera, Kinta Opera, Indera Bangsawan of Penang, City Opera, Penisular Opera, Norlia Opera, Jaya Opera, Rose Opera, Jupiter Opera, Rahman Opera, Kencana Wati Opera, Gray Noran Opera, Seri Nooran Opera, Bangsawan Jenaka Melayu dan Bolera Opera.

Cerita-cerita bangsawan diambil dari kisah-kisah legenda, hikayat dan sejarah sama ada dari Alam Melayu atau dari luar. Antara cerita-cerita bangsawan yang terkenal dari awal perkembangannya sehingga tahun-tahun 1950-an ialah Laksamana Bentan, Puteri Cahaya Bulan, Badang, Sultan Mahmud Mangkat di Julang, Hang Tuah, Amuk Tuk Nading, Gul Bakawali, Hikayat Bistamam, Jula Juli Bintang Tujuh, Abu Nawas, Ali Baba dengan Empat Puluh Pencuri, Siti Zubaidah, Taming Sari, Romeo dan Juliet dan Saudagar Sailok.

Lakonan dalam bangsawan menjadi tunggak bagi menghidupkan cerita. Dalam lakonan ceritanya boleh bersifat *episodic* dengan menekankan unsure *poetic justice* iaitu membina watak melalui watak wira atau wirawati dengan bantuan humor melalui watak badut bagi menggerakkan plot yang mudah dan longgar sifatnya.

Dalam bangsawan terdapat teknik memanjangkan cerita dan memendekkan cerita. Teknik ini dikenali sebagai 'bernasib' atau 'berlagu tarik' iaitu dengan memasukkan unsure-unsur luaran seperti menyelitkan *extra turn*. *Extra turn* adalah satu teknik memasukkan watak tambahan, biasanya watak dayang istana melakonkan tarian dan nyanyian. Tujuannya untuk memanjangkan cerita supaya pertukaran set dari istana ke hutan dan sebaliknya dapat dilakukan. Bagi tujuan memendekkan cerita pula, biasanya bila bangsawan itu tidak mendapat sambutan dari penonton, maka *extra turn* ditiadakan atau mungkin cerita itu diringkaskan. Ini disebabkan matlamat untuk bangsawan selain dari menghibur juga tempat 'mencari makan' bagi pelakon-pelakon.

Pentas bangsawan menggunakan pentas prosinum iaitu pentas mengizinkan penonton menonton dari hadapan sahaja. Penggunaan corak pentas seperti ini membolehkan pengolahan set tirai yang elaborate. Dalam bangsawan pentas, sekurang-kurangnya mempunyai tiga hingga enam tirai asas, mengikut keperluan sesuatu cerita. Set tirai yang menggambarkan pemandangan ialah ruang istana, jalan raya, dalam hutan, taman, ruang bilik dan pemandangan alam. Ini menggambarkan bahawa cerita yang dipersembahkan itu mempunyai set yang pelbagai dan cerita itu berkisar di tempat sebagaimana yang ditirai itu.



pengarah

ABDUL RAHMAN ABU BAKAR
(Rahman B.)

Abdul Rahman Abu Bakar dilahirkan pada tahun 1934 di Batu 4 Jalan Kapar, Kelang. Mula berlakon sewaktu berusia 17 tahun. Oleh kerana minat yang mendalam dalam persembahan Bangsawan, beliau menganggotai beberapa kumpulan bangsawan termasuk Rahman Opera Bangsawan dan Bintang Timur. Bintang Timur ditubuhkan pada 1980 di Kota Baru, Kelantan dengan dibiayai oleh Tengku Sarimah. Sebelum itu Rahman B. berhijrah ke Singapura pada tahun 1953 dan melibatkan diri dengan "Indonesia Kelap" dan teater "Seni Warna Singapura".

Beliau mula menjadi pengarah lakonan pada usia 19 tahun dalam cerita bangsawan *Radin Mas*, *Dandang Setia* dan pernah menjadi penasihat di Syarikat H.V.D. Kini, beliau mengajar bangsawan di Akademi Seni Kebangsaan.

Beliau telah menubuhkan kumpulan **Bangsawan Seni Bintang Timur** pada tahun 2001. Kumpulan ini, dengan kerjasama Akademi Seni Kebangsaan dan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan mengadakan persembahan *Bangsawan Keris Taming Sari* bertempat di Auditorium Pusat Pelancongan Malaysia (MTC) dari 27 hingga 30 Oktober 2001. Harapan beliau terhadap persatuan Bangsawan Seni Bintang Timur supaya dapat menghidupkan kembali bangsawan.

Kehadiran Patih Aria Gajah Mada telah membakar semangat Gangga Sogoro. Ini disebabkan oleh Puteri Galoh Cendera Kirana telah disandingkan dengan Sultan Mansor Shah yang memerintah Melaka. Ketika upacara persandingan dijalankan di istana Majapahit, Gangga Sogoro telah mengamuk dan membunuh orang-orang di kawasan Pasar Pesara termasuk kawasan istana, dengan Keris Taming Sari.

Kehadiran lima pahlawan bersaudara iaitu Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu telah menyelamatkan keadaan dan akhirnya, dengan menggunakan tipu daya, Hang Tuah telah berjaya menewaskan Gangga Sogoro serta memiliki keris Taming Sari.

sinopsis



Akibat daripada itu, Patih Kerma Wijaya menaruh perasaan dendam kesumat terhadap Hang Tuah. Patih Karma Wijaya berjaya mempengaruhi Sultan Melaka dan memfitnah dengan mengatakan Laksamana Hang Tuah berasmara dengan Tun Teja. Laksamana Hang Tuah dijatuhkan hukuman bunuh. Laksamana Hang Tuah diselamatkan oleh Bendahara Tun Perak dengan menyembunyikan di Hulu Melaka. Hang Jebat mengamuk untuk membalas tindakan yang tidak adil terhadap Tuah. Sultan menyesal menghukum bunuh Tuah kerana tidak ada sesiapa lagi yang dapat menghapuskan Jebat penderhaka selain Hang Tuah. Lalu Bendahara membuka rahsia sebenar bahawa Tuah tidak dibunuh. Hang Tuah menyelamatkan kerajaan Melayu Melaka dari amukan Jebat.

Kesetiaan Tuah terhadap Raja Melaka yang memerintah melambangkan rakyat taat terhadap sultan walaupun sultan itu menjatuhkan hukum tanpa penyiasatan yang rapi. Penderhakaan Jebat terhadap sultan melambangkan ketidakadilan boleh ditentang dan dihapuskan tidak kira pangkat atau darjat, tetapi Jebat terlalu ghairah dan angkuh kerana dalam budaya harus ada diplomasi, dan di sini Jebat kalah.

pelakon



KUSWADINATA

Sultan Mansor Shah

Dilahirkan pada 8 September di Singapura. Mula berkecimpung dalam dunia filem pada tahun 1957 iaitu filem hitam-putih. Filem pertama lakonan beliau ialah *Antara Dua Darjat* arahan P. Ramlee di studio Show Brother Singapura. Tahun 1979, berhijrah ke Kuala Lumpur. Berlakon semula dalam filem *Detik 12 Malam* arahan Sudarmadji. Kini aktif berlakon dalam drama-drama TV tempatan.



FADILAH MANSOR

Tun Teja

Seorang pelakon terkenal menerusi drama dan teater tanahair. Beliau amat diminati dikalangan pengarah filem, drama dan teater kerana kelunakan suara dan kelincahan aksinya.





MUBARAK MAJID – Hang Tuah

Seorang pelakon yang berbakat besar di dalam bidang teater dan drama TV. Beliau amat dihormati dikalangan pelakon dan pengarah kerana disiplinnya yang sentiasa menepati masa, tenang dan mudah berbincang.



**ROSLI TAIB
Hang Jebat**

Berusia 21 tahun dan dilahirkan di Melaka. Mempunyai pengalaman dalam bidang lakonan seperti *Romeo and Juliet*, *Bangsawan Alang Buana*, *Imbas*, *Salina*, *Mak Yong Dewa Muda 1 dan 2*, *Mak Yong Raja Muda Lak Leng*, *Puteri Saadong*, *Tun Perak*, *Syakuntala*, *Wan Sari*, *Bukan Bunuh Diri*, *Cari-Cari*, *Petsterapi*, *Semalu Kota*, iklan *Malaysian Oil Palm* dan *Nyiur Gading Puncak Mahligai*. Juga berkebolehan dan berpengalaman dalam bidang muzik serta banyak menyertai aktiviti yang berkaitan dengan muzik antaranya Perarakan Malam Citrawarna 1998, 1999, 2000 dan 2001, Konsert Siti Nurhaliza, Konsert Serumpun Merdeka, Persembahan Wayang Kulit, Singapore Festival Of Art, Kuala Lumpur Festival Of Arts, Sukan Sea 2001.





MOHD AZRUL RAZILAH

Hang Kasturi

Pelajar Program Teater Akademi Seni Kebangsaan dan mempunyai bakat yang mendalam dalam bidang lakonan. Pernah menyertai teater terbitan ASK sebagai pelakon dan krew serta berkemahiran dalam memainkan muzik Wayang Kulit.



ABDUL SHAM ABD RAZAK

Hang Lekir

Pelajar tahun akhir Akademi Seni Kebangsaan dan merupakan anak kelahiran Negeri Sembilan. Kini berusia 21 tahun. Pernah melibatkan diri sebagai pelakon dalam teater *Bagaton, Wira Bukit, Salina, Imbas, Mak Yong Dewa Muda 1* dan *Wan Sari*. Beliau lebih banyak melibatkan diri dengan kerja-kerja di belakang tabir.





SYAHRIZAN SAHAMAT

Hang Lekiu

Pelajar tahun dua program muzik ini berkebolehan dalam bermain instrument India iaitu *Tabla*. Beliau juga minat dalam lakonan dan beranggapan *Bangsawan Taming Sari* sebagai satu permulaan untuk mengembangkan bakatnya.



M. NASRI AYOB

Gangga Sogoro

Anak jati Pahang ini bergiat aktif di pentas teater sejak menyertai Akademi Seni Kebangsaan pada tahun 1996. Antara lakonannya adalah bangsawan *Bendahara Garang Perak, Mak Yong Raja Tangkai Hati, Jejak Pahlawan, Kota Lukut, Julius Caesar, A Midsummer Night Dream, Ribut, Hamlet, Macbeth* dan *Siti Zubaidah*. Selain menumpukan kerja-kerja teknikal dan pengurusan pentas beliau juga berbakat dalam bidang pengarahan.





AMNAH AWANG

Permaisuri Majapahit

Dilahirkan pada tahun 1952 di Taiping Perak. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Beruas Perak dan melanjutkan pelajaran di Kedah. Pada tahun 1982 telah menyertai Wanita UMNO cawangan Kepong Utara dan menjadi Ketua Wanita UMNO cawangan Kepong Bandar pada tahun 1987. Pernah mendapat johan dalam pertandingan lagu-lagu nasyid 1982. Dari tahun 1982 hingga 1987, beliau menyertai kumpulan nasyid bagi Musabakah Al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa di PWTC. Menjadi artis rakaman bagi syarikat rakaman K.M.I. Audio Sdn. Bhd. pada tahun 1989. Dari segi lakonan, pernah berlakon di TV, filem, Bangsawan serta teater. Di antara kegemaran beliau ialah menulis lirik lagu, melancong, berpuisi, membuat gubahan, memasak dan berzanji.



HARIRY ABDUL JALIL – Patih Karma Wijaya

Beliau merupakan pelajar tahun akhir Akademi Seni Kebangsaan dalam program penulisan dan kini mula meminati dunia lakonan kerana mempunyai hubungan yang rapat dengan hasil karya bertulis. Berpengalaman dalam menghasilkan puisi, skrip, novel, serta pernah menjadi tenaga produksi atau krew dalam pementasan teater terbitan ASK dan Istana Budaya. Pernah diundang sebagai pelakon dalam pementasan *Cerkon Telinga, Wira Bukit, Tok Perak, Wan Sari, Tuan-tuan & Peon-peon, Mak Yong Dewa Muda Dua, Nur, Filem Pendek Pet's Therapy* dan filem *Gedebe*.

ZAINATUL SHUHaida ABD RAHMAN

Galoh Cindra Kiratna

Graduan daripada Akademi Seni Kebangsaan dalam program penulisan. Pernah menjadi pelakon dalam produksi *Bangsawan Haris Fadilah, Randai Si Karang Manih, Bangsawan Megat Panji Alam, Keris Sang Puteri, Mak Yong Raja Muda Lak Leng* dan *Explotion*. Juga terlibat sebagai tenaga produksi dalam teater *The Work, The Storyteller*. Memenangi Anugerah Hadiah Sastera Siswa Utusan - Bank Rakyat (puisi) 1996 dan Hadiah Sastera Berunsur Islam (skrip drama pentas) 2000 serta lirik *Bidadari* diterbitkan dalam album *Arah dan Kemana* dan *Ikrak-1421* nyanyian kumpulan Rabbani. Kini beliau menulis sepenuh masa.



MARLENNY DEEN ERWAN

Dang Wangi /Orang Kampung

Potensinya lebih menyerlah dalam bidang penulisan, tetapi di Akademi Seni Kebangsaan, anak kelahiran Bumi Kenyalang ini mengasah bakatnya dalam seni teater dan muzik tradisional. Antara teater lakonannya adalah *Bagaton, Ana, Inkarnasi, Tok Perak, Mak Yong Dewa Muda Dua, Lena Dan Lijah* dan *Syakuntala*.



kerabat pengurusan

AMI HARYANI ABDUL HAMID

Dang Raktana / Org Kampung

Berasal daripada Pulau Pinang merupakan bakat baru dalam bidang teater. Selain daripada berlakon beliau juga turut aktif dalam bidang tarian tradisional dan bermain alat muzik tradisional seperti Wayang Kulit, Cak Lempong dan Gamelan. Beliau juga pernah mengarah produksi ASK seperti *Nasib* karya Dr. Hatta Azad Khan, *Cindai* karya Dato' Nordin Hassan dan *Wan Sari* karya Aziz H.M. Tumpuan beliau lebih kepada bidang lakonan. Antara pementasan teater yang pernah dilakonkannya adalah *Cindai*, *Member Of The Club*, *Siti Zubaidah*, *Keris Sang Puteri*, *Nyiur Gading Puncak Mahligai*, *Bangsawan Bendahara Garang Perak*, *Alang Buana* dan *Megat Panji Alam* serta beberapa produksi lain terbitan ASK.



AHMAD B. (A.M.N.)

Datuk Bendahara

Seorang pelakon yang amat terkenal dalam dunia bangsawan. Beliau juga terkenal dalam lakonan filem dan drama-drama TV. Dikalangan anak wayang beliau seorang yang didampingi oleh generasi muda kerana ingin mendapat panduan lakonan dari beliau.



turut dibintangi

KARIM LATIF

Betara Majapahit

Seorang pelakon veteran dalam dunia pewayangan. Terkenal dengan watak jahat dalam filem-filem dan drama-drama tanah air. Berpengalaman lebih setengah abad dalam dunia lakonan, termasuk lakonan dalam Bangsawan.

Penaung

YB Dato' Abdul Kadir Haji Sheikh Fadzir
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Penasihat

YM Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
Merangkap Pengerusi Majlis Akademi Seni Kebangsaan

Penerbit

Norliza Rofli
Pengarah
Akademi Seni Kebangsaan

Penolong Penerbit

Zakaria Ariffin
Ketua Program Teater
Akademi Seni Kebangsaan

Haji A. Rahim Abdullah
Ketua Program Penulisan
Akademi Seni Kebangsaan



Penyelaras Produksi
Mohd. Ghazali Abdullah

Pengurus Produksi
Baharuddin Baharin Ramli

Kewangan
Nor Aliza Ahmad
Zailena Mohd Razali
Addly Abdul Karim

Tiket
Addly Abdul Karim
Rosenai Lizei Nadzir
Hashinah Abdul Karim

Logistik dan Kebajikan
Zailena Mohd Razali
Sulaiman Mamat
Azhar Mohamad
Siti Rohana Abdul Jalil
Ranofla Dianti Irwan

Publisiti dan Pemasaran
Norizah Arshad
Melah Khalid
Baharuddin Baharin Ramli
Rozihani Mohamad
Nooraini Harun
Zuzairi Othman

Percetakan
Norizah Arshad
Melah Khalid
Rozihani Mohamad

Jemputan
Norizah Arshad
Melah Khalid
Rozihani Mohamad
Zurairi Othman

pengurusan panggung

Penyelaras
Norizah Arshad
Melah Khalid
Roslee Ahmad



Pengurus Panggung
Intan Rozalina Abd. Ghani

Penolong Pengurus Panggung
Siti Rohana Abdul Jalil

Penyambut Tetamu
Melah Khalid
Roslee Ahmad
Siti Khatijah Sauji
Intan Rozalina Abd Ghani
Siti Rohana Abdul Jalil
Dayang Siti Hujeimah Abang Julhi
Isnoliza Mohammad Zin
Rabeatul Husna Abd Rahman

Kaunter Media
Melah Khalid
Rozihani Mohamad
Zuzairi Othman

Pameran
Zainatul Shuhaida Abd.Rahman
Isnoliza Mohammad Zin
Rabeatul Husna Abd Rahman



tenaga kreatif

Pengarah

Haji Abdul Rahman Abu Bakar

Pengarah Artistik

Haji Abdul Rahman Abu Bakar

Pengarah Teknikal

Azizul Zahid Jamal

Pengarah Muzik

Shahiral Mohd Salleh

Pereka Set / Prop

Abdul Sham Abd Razak

Penyelaras Kostum

Rosman Ishak
Shariful Akma Abdullah
Siti Aida Ayub
Intan Carina Abd Karim
Nooraini Harun
Rasidah Ludin

Penataan Cahaya

Shahili Abdan

Pembantu Penataan Cahaya

Muhammad Hafiz Hussin
Sofyan Mohammad

Koreografer Tari

A. Aris A. Kadir

Tatarias

A. Aris A. Kadir
Osman Ali
Mardiana Ismail
Yuni Norleitey Yunos

pengurusan panggung

Penyelaras

Norizah Arshad
Melah Khalid
Roslee Ahmad

Pengurus Panggung

Intan Rozalina Abd. Ghani

Penolong Pengurus Panggung

Siti Rohana Abdul Jalil

Penyambut Tetamu

Melah Khalid
Roslee Ahmad
Siti Khatijah Sauji
Intan Rozalina Abd Ghani
Siti Rohana Abdul Jalil
Dayang Siti Hujeimah Abang Julhi
Isnoliza Mohammad Zin
Rabeatul Husna Abd Rahman

Kaunter Media

Melah Khalid
Rozihani Mohamad
Zuzairi Othman

Pameran

Zainatul Shuhaida Abd.Rahman
Isnoliza Mohammad Zin
Rabeatul Husna Abd Rahman



tenaga teknikal

Pengurus Pentas

Baharuddin Baharin Ramli

Penolong Pengurus Pentas

Amira Sariyati Mohd Hatta

Pembantu Pentas

Jamaludin Ahmed

Zurairi Hanip

Mohd. Ya Latip Mohd Daud

Saharudin Ismail

Salmah Osman

Nooraizan Mamat

Wan Hazelinda Mohamad

Kamelia Suria Kamaruddin

Teknikal

Jali Nazri

Wan Mansor

Juruteknik MTC



pelakon

Kuswadi Bujang (Kuswadinata)
Sultan Mansor Shah

Fadilah Mansor
Tun Teja

Mohd Mubarak Hj Majid
Hang Tuah

Rosli Mohd Taib
Hang Jebat

Mohd Azrul Razilah
Hang Kasturi

Abdul Sham Abd Razak
Hang Lekir

Syahrizan Sahamat
Hang Lekiu

M. Nasri Ayob
Gangga Sogoro

Karim Latif
Betara Majapahit



Amnah Awang
Permaisuri Majapahit

Zainatul Shuhaida Abd Rahman
Galoh Cendera Kirana

Mohammad Hariry Abdul Jalil
Patih Kerma Wijaya

Marlenny Deen Erwan
Dang Wangi

Ami Haryani Abdul Hamid
Dang Ratna

Ahmad B. (A.M.N.)
Datuk Bendahara

Rahim Kidol
Pak Lamat

Dalinawati Ismail
Mak Inang Melaka

Md. Eyzendy Md. Aziz
Patih Aria Gajah Mada

Zaiful Hazami Zaini
Pengiring Patih Aria Gajah Mada
/Pembesar Majapahit

Amril Nizam Abd Rahmid
Datuk Seri Maharaja

Azman @ Mohd Nor Muhamuddin
Pembesar Majapahit

Engku Norzalifah Engku Abd Rased
Afni Juliani Mohamad
Suzita Enis Sukri
Nur Zairatul Akmar Mohamad
Noor Aizam Ghalib
Farina Jervoso Abdullah
Dayang/Orang Kampung

Shahrul Nizam Mustaffa
Saharudin Ismail
Pengiring Datuk Bendahara/Orang Kampung

Johan Mohd Sharif
Fariq Salman
Pengawal Melaka & Majapahit/Orang Kampung

Abu Erwann Abu Seman
Irwandy Mazwir
Mohd Noor Hisham Mohd Djarnian
Orang Kampung

Mohd Firdaus Mohd Nor
Tunku Kasim Tunku Mohd Abidah
Jezziq Eddie Kismilardy
Abdul Mutalib Abd Hamid
Mohd Nizam Rahman
Prajurit Majapahit

penari

Rozilah Abd Rahman
Zamzuriah Zahari
Afna Juitarina Ali Amberan
Ismadian Ismail
Roslina Mokhtar
Wan Syahrina Jelaldin

pemuzik

Mustakim Yusuf
Hadi Maswardi Mohamed Amin
Rozario Gulam Rasul
Gilbert Jim Lajim
Roslan Harun

penyanyi

Asiah Tuah
Haji Abdul Rahman B.
Izzad Azzuddin Bohari
Amnah Awang

27 Oktober – 3 November

FESTIVAL WAYANG NUSANTARA

Tempat: Balai Seni Lukis Negara

Masuk Percuma

Pertunjukan Wayang Kulit Siam, Wayang Kulit Melayu, Wayang Kulit Purwa, Wayang Gedek, Wayang Wong, Wayang Golek, *Nang Thalung*, pameran wayang kulit, demonstrasi pembuatan patung dan alat muzik wayang kulit oleh kumpulan-kumpulan wayang kulit dari Malaysia, Indonesia, Selatan Thailand, Filipina dan Singapura. Sebuah festival anjuran Akademi Seni Kebangsaan dengan kerjasama Balai Seni Lukis Negara.

Performance, demonstration and workshops by wayang kulit groups from Malaysia, Indonesia, Thailand, The Philippines Singapore and Southern Thailand

3 November 2001

SEMINAR WAYANG NUSANTARA “WAYANG DALAM BAYANG”

sempena FESTIVAL WAYANG NUSANTARA

Tempat: Balai Seni Lukis Negara

Yuran penyertaan : RM 50.00 & RM20.00

Seminar yang bertemakan “WAYANG DALAM BAYANG” yang diadakan bersempena Festival Wayang Nusantara; akan dihadiri oleh pembentang kertas kerja dari Malaysia, Indonesia, USA, dan Filipina.

Antaranya ialah:-

Dr. Amin Sweeney * Dr. Patricia Ann Matusky * Dr. Ghulam Sarwar Yousoff * Encik Nik Mustapha Nik Mohd Salleh * Prof. Dr. Mohamed Ghouse Nasruddin * Amihan L. Bonifacio * Encik Ismail Yusof

12 November -14 November 2001

MONODRAMA

Maklumat lanjut akan dimaklumkan kelak.

Detail information will be announced later.

MAJLIS AKADEMI SENI KEBANGSAAN
PENGKAL 2001/1003

Pengerusi

Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid

*Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan,
Kesenian dan Pelancongan*

Timbalan Pengerusi

Encik Daing Abdul Rahman bin Daing Ibrahim

*Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan
Pelancongan*

Setiausaha

Puan Norliza Rofli

Pengarah Akademi Seni Kebangsaan

Penolong Setiausaha

*Timbalan Pengarah Pengurusan dan Pendaftaran
Akademi Seni Kebangsaan*

*Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar dan Hal
Ehwal Akademik*

Akademi Seni Kebangsaan

Ahli-ahli Tetap

Dato' Jamaluddin b Ahmad Damanhuri

*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam*

Tan Sri Samsudin b. Hitam

*Ketua Setiausaha/
Kementerian Kewangan*

Tan Sri Dr. Johari b. Mat

*Ketua Setiausaha/
Kementerian Pendidikan*

Ahli-ahli Dilantik

Prof. Diraja Ungku Aziz bin Ungku Abd. Hamid

Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh

Dato' Dr. Hassan bin Ahmad

Dato' Jins Shamsuddin

Datin Azanin Dato' Ahmad

Prof. Dato' Dr. Ramlah Adam

Dr. Hatta Azad Khan

Encik Mohd Shariff bin Ahmad

Puan Wairah Marzuki

AKADEMI SENI KEBANGSAAN

OBJEKTIF

Menyediakan peluang dan ruang kepada penggiat seni untuk mengikuti latihan secara formal dalam bidang seni ke arah melahirkan karyawan dan seniman yang mantap, berilmu dan profesional.

FUNGSI-FUNGSI UTAMA

Melahirkan golongan karywan dan artis yang berilmu dan profesional.

Menambah bilangan penggiat seni yang mampu menjadi pemimpin dan penggerak yang berkesan dalam usaha membangunkan industri kesenian negara.

Menyediakan bakal pengkaji dan pendidik dalam bidang kesenian.

Menjadi sumber rujukan dan pusat etnologi seni.

Menjadi pusat kajian, penyelidikan dan eskperimen seni.

PROGRAM PENGAJIAN AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Akademi Seni Kebangsaan melaksanakan sistem pengajian Sistem Modular seperti berikut:-

1 TAHUN SIJIL

2 TAHUN (DIPLOMA) +

1 TAHUN (IJAZAH SARJANA MUDA) *

(* dalam perancangan)

Program Pengajian Diploma Akademi Seni Kebangsaan ialah selama 3 tahun dengan pengagihan berikut:-

Tahun 1 Tahun Pengasas bertahap Sijil ASK

Tahun 2 dan Tahun 3 Bertahap Diploma ASK

Sistem Modular

ASK menjalankan program pengajian Diploma secara berperingkat yang dikenali sebagai 1 + 2, iaitu tahun pertama untuk pengajian bertahap sijil dan disusuli oleh dua tahun untuk Diploma. Program Akademik di ASK dilaksanakan melalui sistem modular. Sistem modular adalah suatu konsep pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan pilihan pelajar mengikut minat, bakat dan kecenderungan mereka dengan dikawalselia oleh program pengajian.

Di bawah sistem modular, kandungan pengajaran dan pembelajaran yang ditawarkan oleh setiap program pengajian seni terdiri daripada beberapa modul. Setiap modul merupakan gabungan pelbagai tahap pembelajaran yang boleh diambil secara terpisah pada sesuatu masa tertentu dan disambung pada waktu yang lain bagi tujuan penyudahan. Kurikulum program-program di Akademi Seni Kebangsaan dilaksanakan secara bersepadu bagi membenarkan pelajar menyokong bidang pengkhususan dengan kursus-kursus dari program lain. Pengambilan kursus-kursus elektif di luar program utama ini akan menambah kemahiran pelajar dan membuka prospek pekerjaan yang lebih luas.

Program Akademik

Program akademik di ASK diimplementasikan melalui pelaksanaan 4 program pengajian seni yang menawarkan modul pengajian yang khusus. Empat (4) program berkenaan ialah iaitu program teater, program tari, program muzik, program penulisan dan program wajib akademi. Pelajar memilih untuk mengikuti pembelajaran di bawah satu program pengajian serta diwajibkan mengikuti kursus-kursus di bawah Program Wajib Akademi

PROGRAM WAJIB AKADEMI

1. Modul Kemanusiaan.
2. Modul Seni Persembahan Tradisional
3. Modul Pengurusan Teknologi

PROGRAM MUZIK

1. Modul Persembahan

ianya dibahagikan kepada Muzik Tradisional Melayu dan Muzik Barat (Klasik, Moden dan Jazz) yang mempunyai aliran iaitu:-

1.1. Aliran Major Muzik Tradisional Melayu

- i) *instrumental*
- ii) *vokal*

1.2. Aliran Major Muzik Klasik Barat

- i) *instrumental*
- ii) *vokal*
- iii) *kibod*

1.3. Aliran Major Muzik Moden dan Jazz

- i) *instrumental*
- ii) *vokal*
- iii) *kibod*
- iv) *organ*

2. Modul Teknologi Instrumental

Aliran *Major* pembuatan Alat Muzik

3. Modul Muzik Kreatif

4. Modul Teknologi Muzik

Aliran *Major* Midi Sequencing

PROGRAM PENULISAN

1. Modul Penulisan Pentas

2. Modul Penulisan Layar

3. Modul Produksi Filem dan Televisyen

PROGRAM TARI

1. Modul Teori

2. Modul Persembahan Tradisi

3. Modul Persembahan Moden

4. Modul Koreografi


PROGRAM TEATER

1. Modul Teori dan Pengurusan

2. Modul Lakonan

3. Modul Pengarahan

4. Modul Sinografi



Sebarang maklumat lanjut sila hubungi
AKADEMI SENI KEBANGSAAN
Aras 33, Empire Tower
Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur
Tel/ 03 21649180 Fax 03 21649186